

11 JAN 1997

MT TERIMA PENJELASAN MB BERHUBUNG KES WANG

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menerima penjelasan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamad Taib berhubung kegagalan beliau mengisytiharkan wang berjumlah RM2.4 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane, Australia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat MT itu juga mengingatkan anggota kerajaan dan pemimpin parti supaya jangan melakukan sesuatu perkara yang boleh menyusahkan parti dan kerajaan.

"Saya menasihatkan semua anggota kerajaan dan parti supaya tidak buat sesuatu secara sedar atau tidak yang boleh menimbulkan masalah kepada parti dan kerajaan walaupun kita telah menerima penjelasan Tan Sri Muhammad," kata Dr Mahathir yang juga presiden Umno.

Muhammad ditahan pada 22 Dis lepas dan didakwa di mahkamah majistret Brisbane pada keesokannya.

Tiada pengakuan dicatatkan dan Muhammad yang mengikat jamin atas namanya sendiri dikehendaki menghadiri mahkamah pada 21 Mac.-- BERNAMA

AH PR